

1. Kita hendaklah menjaga keamanan di kawasan perumahan demi ketenteraman \_\_\_\_\_.

- ☐ A jiran tetangga
- ☐ B sanak saudara
- ☐ C sahabat handai
- ☐ D masyarakat majmuk

2. Hamdan berasa \_\_\_\_\_ kerana menantikan keputusan peperiksaan akhir tahun yang akan dikeluarkan esok.

- ☐ A lemah gemalai
- ☐ B resah gelisah
- ☐ C panas sejuk
- ☐ D suka duka

3. Gincu yang dijual oleh Siew Meng itu berwarna \_\_\_\_\_.

- ☐ A pucat lesi
- ☐ B ikal mayang
- ☐ C merah jambu
- ☐ D sawo matang

4. Masron sering membantu ibunya mengemas rumah kerana dia \_\_\_\_\_.

- ☐ A berat tulang
- ☐ B ringan mulut
- ☐ C cepat tangan
- ☐ D ringan tulang

5. Semua murid dikehendaki berkumpul di \_\_\_\_\_ sekarang kerana ada perkara penting yang hendak disampaikan oleh guru besar.

- ☐ A bilik guru
- ☐ B pusat sumber
- ☐ C dewan sekolah
- ☐ D makmal komputer

6. Meskipun Raysha perempuan, dia gemar melakukan \_\_\_\_\_ yang mencabar ketahanan fizikal dan mentalnya.

- ☐ A bahasa tubuh
- ☐ B latihan amali
- ☐ C gerak badan
- ☐ D sukan lasak

7. Segala kemahuannya dituruti kerana Aliyah \_\_\_\_\_ dalam keluarga itu.

- ☐ A raja sehari
- ☐ B anak emas
- ☐ C darah daging
- ☐ D ayam tambatan

8. Kakak menyemburkan \_\_\_\_\_ pada badannya sebelum pergi ke pejabat.

- ☐ A losen muka
- ☐ B minyak wangi
- ☐ C minyak masak
- ☐ D pelembut fabrik

9. "Gadis yang berkulit \_\_\_\_\_ itu sepupu saya," kata Syukri kepada Mustafa.

- ☐ A hitam manis
- ☐ B kelabu asap
- ☐ C merah hati
- ☐ D biru laut

10. Mesin hemodialisis itu akan disumbangkan kepada Hospital Taiping untuk kegunaan beberapa orang pesakit \_\_\_\_\_ di situ.

- ☐ A darah tinggi
- ☐ B lemah jantung
- ☐ C kencing manis
- ☐ D buah pinggang

11. Nenek membuang \_\_\_\_\_ itu kerana sudah tidak dapat digunakan lagi dan berbau tengik.

- ☐ A minyak hitam
- ☐ B minyak tanah
- ☐ C minyak wangi
- ☐ D minyak masak

12. Ibu bapa harus menjadi \_\_\_\_\_ kepada anak-anak supaya anak-anak mencontohi sikap yang baik.

- ☐ A yakin diri
- ☐ B gaya hidup
- ☐ C suri teladan
- ☐ D pencetus idea

13. Angkasawan negara telah menjalankan \_\_\_\_\_ penghabluran protein semasa berada di angkasa lepas.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B ulang kaji
- ☐ C kaji hayat
- ☐ D soal siasat

14. Penyanyi tersohor itu mengumumkan bahawa dia akan mendirikan \_\_\_\_\_ tidak lama lagi.

- ☐ A rumah persinggahan
- ☐ B rumah tangga
- ☐ C rumah rehat
- ☐ D rumah batu

15. Lukman berasa gembira kerana segala \_\_\_\_\_ nya untuk menjadi usahawan akhirnya tercapai.

- ☐ A suka ria
- ☐ B jerih perih
- ☐ C pahit manis
- ☐ D tawa gembira

16. Sindiket yang menjual cakera padat cetak rompak di \_\_\_\_\_ itu berjaya ditumpaskan oleh pihak berkuasa.

- ☐ A jagat raya
- ☐ B duit minyak
- ☐ C pasar gelap
- ☐ D gulung tikar

17. Kita hendaklah \_\_\_\_\_ para guru yang telah mendidik kita menjadi insan yang berilmu.

- ☐ A mengenang jasa
- ☐ B memendam rasa
- ☐ C mengikut telunjuk
- ☐ D memegang amanah

18. Amri dan adiknya pergi ke \_\_\_\_\_ untuk membeli barang-barang dapur yang dipesan oleh ibu mereka.

- ☐ A balai raya
- ☐ B rumah api
- ☐ C pasar mini
- ☐ D pejabat pos

19. Dalam perbicaraan di mahkamah, \_\_\_\_\_ akan dilakukan oleh peguam bela setelah saksi memberikan keterangan.

- ☐ A soal balas
- ☐ B soal jawab
- ☐ C soal selidik
- ☐ D soal siasat

20. Mana-mana individu yang mengunjungi \_\_\_\_\_ boleh didakwa oleh pihak berkuasa.

- ☐ A pasar raya
- ☐ B pasar gelap
- ☐ C pasar basah
- ☐ D pasar borong